



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Will Moggie stay or go</u>	News Straits Times	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Sisa makanan jana elektrik?</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Is Port Klang turning into an international dumping ground?</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
4.	<u>'Malaysia has become the world's rubbish bin', reports BBC</u>	AsiaOne	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Kerajaan negeri berjaya elak 'Ethylene Chloride' memasuki LRA Semenyih</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Tong berisi bahan kimia sengaja ditebuk, diterbalikkan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Insiden tumpahan bahan kimia selesai</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Gempa bumi 5.2 skala Ritcher landa Jawa, Indonesia</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
9.	<u>BorderPass to automate Malaysian airport immigration process</u>	Digital News Asia	Klik pada tajuk berita



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
10.	<u>Perak bakal wujudkan Majlis Sukan Elektronik</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Combine AI With Crowdsourcing and What Do You Get? Turbocharged Innovation</u>	Singularity Hub	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Andai esok masih ada, pernahkah kita terbayang rel masa hadapan?</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Common Ground launches first Malaysian venue outside of Kuala Lumpur</u>	Digital News Asia	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Malaysia incentivizes its palm oil industry with Blockchain</u>	Coin Codex	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Malaysian envoy for improving two-way trade</u>	The Express Tribune	Klik pada tajuk berita
16.	<u>5,000 longhouse folk supplied with electricity through Sares</u>	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
17.	<u>It's abundant and available / It's abundant and available</u>	The Star	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3
18.	<u>Is Port Klang turning into an international dumping ground?</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Apa nasib graduan biotek</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
20.	<u>Pembangunan bandar lestari</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
21.	<u>Singapore, Indonesia associations sign MoU on aerospace and astronautics development</u>	Jakarta Post	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Restoran dengan teknologi AI kini mula beroperasi</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Jepun lestarikan inovasi klasik</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 6

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (NEWS / BUSINESS): MUKA SURAT 16
TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

NewStraitsTimes . FRIDAY, FEBRUARY 15, 2019

16 | BUSINESS / News

CONTRACT EXTENSION

WILL MOGGIE STAY OR GO?

TNB chairman's
2-year term ends
on March 11

OOI TEE CHING
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

TAN Sri Leo Moggie, who has helmed Tenaga Nasional Bhd (TNB) for the past 15 years, is keeping the business community guessing on whether his chairmanship will be extended beyond next month.

"TNB staff are celebrating Chinese New Year with many orphans. Let's not talk about business today," he said when asked about his chairmanship at TNB's Chinese New Year luncheon, here, yesterday.

More than 1,000 people attended the event.

+ Two years ago, TNB extended Moggie's term until March 11.

Moggie, 77, was appointed director by the Minister of Finance (MoF) Inc, the special shareholder of TNB, in April 2004.

The MoF Inc's stake in TNB gives the finance minister the



Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin (centre), Tenaga Nasional Bhd chairman Tan Sri Leo Moggie (second from left), company officials and guests tossing yee sang at TNB's Chinese New Year luncheon in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY MAHZIR MAT ISA

prerogative to appoint the chairman, chief executive officer and a director to the TNB board.

According to TNB's 2017 annual report, Khazanah Nasional Bhd owns 28.14 per cent in the national utility company while

the Employees Provident Fund holds an 11.01 per cent stake.

Moggie spent almost three decades of his career with the government. He was energy, communications and multimedia minister (1998-2004), works min-

ister (1989-1995) and energy, telecommunications and posts minister (1995-1998).

He was also the local government minister (1977-1978) and welfare services minister (1976-1977) in Sarawak.

LAMPIRAN 2
UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19
TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Sisa makanan jana elektrik?

SAUDARA PENGARANG.

MERUJUK artikel ‘Lautan sampah haram’ yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 3 Januari lalu mengenai jalan pintas menghubungkan Bertam Hulu dengan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Paya Rumput di Lebuh Raya Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ) dijadikan lokasi pembuangan sampah haram.

Seperti lokasi pembuangan sampah haram lain, walaupun dalam skala kecil, kebanyakan sampah yang dibuang adalah sisa makanan isi rumah atau organik.

Berdasarkan kepada kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), hampir separuh (44 hingga 47 peratus) adalah lambakan sisa makanan isi rumah.

Ironinya, ramai yang menyangka pembuangan sisa makanan atau organik ke pusat pelupusan sampah akan terurai sama seperti proses pengkomposan. Pendapat ini adalah salah.

Gas beracun seperti metana dan gas rumah hijau akan terhasil apabila sisa makanan atau organik bercampur dengan sisa pejal terutama plastik. Perlu ditekankan bahawa proses pengkomposan yang sebenar hanya akan berlaku dengan pengurusan kompos terancang.

Yang dimaksudkan dengan pengurusan pengkomposan terancang adalah kaedah penguraian biologi seperti kaedah aerob dan anaerob dilakukan ke atas sisa makanan atau organik.

Melalui proses ini, sisa bersifat organik seperti tumbuhan,



PROJEK
kemasyarakatan
melibatkan
mahasiswa
UiTM
Cawangan
Johor dan
pelajar
sekolah yang
mendedahkan
mereka
kepada
pengurusan
sisa makanan
dan organik.
- GAMBAR
IHSAN
PEMBACA

tumbuhan, sisa makanan dan keluaran kertas dapat dikitar semula dengan menggunakan proses pengkomposan dan penceraian biologi untuk menguraikan jirim organik.

Tujuan pemprosesan biologi dalam pengurusan sisa pada dasarnya adalah untuk mengawal dan mempercepat proses semula jadi penguraian jirim organik. Bahan organik yang dihasilkan kemudian dikitar semula menjadi kompos bagi tujuan pertanian organik atau landskap.

Walau bagaimanapun, tidak ramai sedar bahawa gas sisa daripada proses itu seperti metana dapat dikumpul dan digunakan untuk menjanaan elektrik. Sesuailah dengan hasrat **Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim** yang menyasarkan 20 peratus tenaga boleh diperbaharui pada 2030.

Sebagai rekod, tenaga

elektrik di Malaysia, 53 peratus dijana daripada arang batu, 42 peratus gas asli dan selebihnya bekalan hidro dan tenaga boleh diperbaharui. Sebanyak 100 peratus arang batu digunakan diimport dari negara luar.

Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Johor, kesedaran pengurusan sisa makanan dan organik menjadi salah satu projek kemasyarakatan melibatkan mahasiswa dan pelajar sekolah setempat.

Dengan pembiayaan serta sokongan daripada pihak berkuasa, projek yang galas oleh UiTM Johor ini diharap dapat berterusan dalam merintis potensi penghasilan tenaga boleh diperbaharui daripada kompos.

**OSWALD TIMOTHY
EDWARD**

Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, UiTM Johor

LAMPIRAN 3
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

It's abundant and available

M'sia No. 8 worldwide in mismanaged plastic waste pollution

GEORGE TOWN: Studies showed that in 2010 Malaysia alone produced 0.94 million tonnes of mismanaged plastic waste, of which 0.14 to 0.37 million tonnes may have been washed into the oceans.

"This has placed Malaysia as number eight internationally in mismanaged plastic waste pollution.

"Malaysia is the fourth largest plastic exporter in Asean and ranked number 25 in global plastic exports in 2017," State Welfare, Caring Society and Environment Committee chairman Phee Boon Poh said.


Phee, who is also vice-chairman of Penang Green Council, said a survey conducted by the council showed that vast consumption of plastic by consumers was due to its abundance and availability.

"Plastics were given by default to consumers during their purchases as it's convenient, disposable and affordable for business operators," he said in a statement here yesterday.

The survey which targeted consumers and business operators, was held to understand the public perception on the implementation to ban single-use plastics in Penang.

"Among the 1,948 consumers who responded, 60% agreed businesses should be prohibited from giving out single-use plastics by implementing the reward and penalty system when consumers bring their own containers.

"It's because about half of the respondents would dispose these single-use items after usage, 29.5% would place them in recycle bins and 19.6% will reuse the



Born every minute: 'Single-use plastics are given by default to consumers during purchases as its convenient, disposable and affordable for business operators.' — AFP

items," he said.

He added that the 231 businesses that took part in the survey included restaurants (51.5%), food outlets/food courts (22.1%), cafes (15.6%), hotels and other types of food and beverage operators.

"Penang started off with 'No Free Plastic Bag' campaign in July 2009 and by 2011, we implemented the 'Everyday is No Free Plastic Bags Day' campaign in all hypermarkets

and supermarkets.

"This year, Penang is entering another phase of No Single-Use Plastic by kicking off the 'Tak Nak Penyedut Minuman Plastik' campaign as we move towards a greener state and to align with Malaysia's ambition to be single-use plastics free by 2030," he added.

✓ Under the 'Malaysia's Roadmap towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030', single-use plastics refer

to straws and carrier bags.

There will be no more single-use plastics by 2030 under an ambitious plan that will see local councils imposing a "pollution charge" and a "no straw by default" policy.

The roadmap also sees the implementation of a circular economy for recycling as well as positioning Malaysia as a leader in recycling technology and industry within the region.

LAMPIRAN 4

APA NASIB GRADUAN BIOTEK (FORUM): MUKA SURAT 19

TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Apa nasib graduan biotek?

SAUDARA PENGARANG,

PADA 28 April 2005, Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dasar Bioteknologi Negara (DBN) iaitu projek bertaraf nasional dengan sembilan teras utama dalam membangun bidang bioteknologi sebagai enjin pertumbuhan ekonomi baru.

Abdullah juga mengumumkan salah satu teras dasar tersebut iaitu penubuhan Perbadanan Bioteknologi Malaysia yang akan bertanggungjawab mengelak pembangunan sektor berkenaan.

DBN merupakan satu rancangan jangka panjang selama 15 tahun untuk dilaksanakan dalam tiga fasa seiring dengan matlamat Wawasan 2020. Fokus utama DBN menjurus kepada tiga aspek pengkhususan utama iaitu bioteknologi pertanian, penjagaan kesihatan dan perindustrian.

Pada fasa pertama, DBN (2005-2010) memfokuskan kepada pembangunan keupayaan, penjanaan pekerjaan dan pembangunan kemahiran dalam tiga sektor iaitu bioteknologi pertanian, bioteknologi penjagaan kesihatan dan industri bioteknologi.

Bagi fasa kedua (2011-2015), Sains Kepada Bisnes, fokus tertumpu kepada integrasi teknologi berasaskan bio kepada rantaian nilai sedia ada pembangunan modal insan dan kemahiran serta pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, fokus tertumpu kepada program menggalakkan pelabur dari dalam dan luar negara dalam bidang pertanian, penjagaan kesihatan serta industri.

Kini memasuki fasa ketiga bermula 2016 sehingga 2020 dengan Bisnes Global menjadi keutamaan menjadikan Malaysia memainkan peranan penting dan industri berasaskan bio.

Untuk melengkapkan bekalan tenaga mahir bagi memenuhi kehendak industri, banyak institusi pengajian tinggi awam serta swasta menawarkan kursus Sains Bio dan Bioteknologi.

Setiap tahun, beribu graduan dalam bidang ini

Jika industri biotek tidak berkembang, maka lambakan tenaga mahir dalam bidang ini akan berlaku dan perkara ini amat memilukan.

dikeluarkan di peringkat diploma sehingga dalah doktor falsafah. Kerancakan perkembangan industri bioteknologi pada awal penubuhan DBN sehingga 2016 menyumbang kepada peningkatan permintaan pelajar jurusan-jurusan ini.

Kewujudan kilang-kilang serta industri biotek juga membuka peluang pekerjaan kepada pelajar lepasan jurusan ini. Namun kini industri biotek semakin suram serta fungsi Perbadanan Bioteknologi Malaysia juga tidak seaktif dahulu.

Tidak kedengaran lagi projek-projek mega baharu dalam industri biotek serta tiada kabar berita mengenai status terkini industri biotek tempatan. Hal ini telah memberikan impak kepada penurunan minat pelajar untuk mengambil jurusan berkaitan biotek.

Terdapat institusi berhadapan masalah kekurangan pelajar dalam bidang ini yang serius. Masa depan para graduan lepasan bidang ini amat membimbangkan.

Jika industri biotek tidak berkembang, maka lambakan tenaga mahir dalam bidang ini akan berlaku dan perkara ini amat memilukan.

Negara-negara maju menjadikan industri biotek sebagai fokus utama bagi memacu ekonomi mereka dan Malaysia harus kembali kepada landasan asal yang telah dibina kukuh sebelum ini bagi memastikan kita tidak ketinggalan. Diharapkan kerajaan memandang serius permasalahan ini serta mengambil tindakan sewajarnya.

AHLI BIOTEKNOLOGI
NEGARA
Kuala Lumpur

LAMPIRAN 5

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 26

TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)



Pembangunan bandar lestari

FORUM Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) telah diadakan pada 7 hingga 19 Februari tahun lalu dan diikuti Forum Bandar Malaysia (MUF) pada 18 hingga 19 Februari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Ini menandakan komitmen Malaysia dengan Agenda Bandar Baharu yang seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG 2030) Malaysia yang cemerlang mengingguruh sebaiknya melihat SDG 2030 secara serius berdasarkan pengetahuan saintifik dan bukan setakat membina kawasan fizikal yang boleh menimbulkan konflik keperluan masyarakat hadapan bandar. Dari segi alam sekitar beberapa perkara penting seperti pengurusan sisa pepejal, kehijauan kawasan bandar, pencemaran udara, pemanasan kawasan bandar, banjir kilat dan bekalan air menjadi tumpuan.

Banyak faktor mempengaruhi perubahan cuaca dan pemanasan global, pengurangan pencemaran, kehilangan habitat, konflik hidupan liar manusia dan lain-lain perlu diperimbangkan dalam setiap perancangan pembangunan bandar.

Selain itu, iklim tropika yang dibincangkan sejak Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Bumi di Rio de Janeiro 1992 dan Rio+20 pada 2012 telah dinilai dan diambil tindakan oleh Malaysia perlu dilihat dengan serius. Penilaian ini penting bagi memastikan kelestarian pembangunan bandar semasa dan masa hadapan. Senarai sekam-

Ralat & Rawat

Bersama

DR. AHMAD ISMAIL



perancangan dan tindakan mestilah dimulakan dan mendapat sokongan rakyat seluruhnya.

Agensi Ekonomi Global juga patut selari dengan Agenda Bandar Baharu. Aliran semasa keterbukaan kerajaan seluruh dunia mestilah mencapai maksanakan juju dengan pesan integriti. Di samping itu, pendidikan dan kefahaman seluruh rakyat sangat penting agar mampu berfikir secara saintifik tentang isu-isu yang dibincangkan.

Kefahaman rakyat perlu set dalam objektif forum untuk memudahkan kesedaran tentang kelestarian perbandaran dalam kalangan orang awam, menambah baik pengetahuan tentang kelestarian pembangunan bandar melalui perbincangan

terbuka, bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman di samping meningkatkan kerjasama semua pihak serta penyelarasan bagi kelestarian perbandaran. Objektif ini menunjukkan suatu perubatan yang lengkap dalam kelestarian perbandaran.

Justeru, MUF dalam Agenda Bandar Baharu ingin memastikan sokongan kepada agenda 2030 Pembangunan Lestari dan menjadikan bandar yang inklusif, selamat, dan bertumbuhan dan lestari.

Bagi mencapai ini, ia mu-
ponduduh bandar mestilah cukup berpengertahan

tentang keperluan SDG 2030.

Antara isu bandar yang perlu dilihat ialah pengangkutan yang selari dengan pertumbuhan ekonomi dan perbelanjaan.

Istilah bandar juga merupakan cabaran penting. *Journal of Social Sciences* 2007 menyatakan sejak merdeka, Malaysia adalah antara negara yang berjaya menangani isu kemiskinan. Kadar kemiskinan menurun kepada 5.7 peratus

pada 2004 kepada 2.8 peratus pada 2010.

Dalam usaha meningkatkan kemiskinan bandar, pertanian bandar mungkin boleh diperkenalkan. Jurnal *Advances in Environmental Biology* 1995 telah lama menekankan pentingnya pertanian bandar sebagai salah satu pembangunan lestari untuk makanan. Perbandaran dan globalisasi sistem makanan boleh menimbulkan masalah sosial, alam sekitar, ekonomi, dan politik.

Menjelang 2025, antara 60 hingga 85 peratus penduduk dunia tinggal di bandar. Ini akan memberikan tekanan kepada kemerosotan kualiti alam sekitar termasuk pengeluaran gas rumah hijau.

Jurnal *Teknologi* 1984 juga sudah lama membincangkan isu pemanasan bandar. Sejak 1970-an, kajian peringkiran suhu bandar 1970, 1975 dan 1980 telah dijalankan dan menunjukkan kewujudan pulau habu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Fenomena ini wujud kerana bertambahnya bilangan kenderaan bergerjin di jalan-jalan raya di samping perembahan kawasan pemukiman dan jalan-jalan raya.

Selain mempengaruhi suhu dan keselesaan, permukaan-permukaan yang tidak telap air ini juga mempengaruhi hidrologi kawasan bandar. Larian air di bandar-bandar besar adalah lebih tinggi berbanding kawasan luar-bandar.

Penanaman pokok-pokok selari dengan rancangan-rancangan perumahan dan jalan raya mungkin boleh mengurangkan larian air dan kejadian banjir kilat di bandar.

The International Journal of Urban Forestry 2012 juga

membincangkan tentang hutan bandar Kuala Lumpur di mana pembangunan pesat yang memerlukan keuntungan maksimum memberi tekanan kepada ruang hijau.

Peranan pembuat dasar, perancang, ahli politik, jurutera, penganggar tanah dan NGO diperlukan dalam memastikan pulau haba bandar (UHH) dapat diuruskan dengan baik.

Faktor permukaan tanah, struktur bangunan, aliran trafik dan aktiviti manusia perlu diambil kira dalam strategi ini untuk diminimalkan risiko keselesaan dan kesihatan manusia.

Journal of Sustainable Development 2013 mencadangkan kawasan hijau dan kepelbagaian biologi di Kuala Lumpur dan bandar-bandar merupakan faktor kualiti alam sekelling. Penurunan kepelbagaian biologi telah menarik perhatian ahli akademik, profesional dan masyarakat amnya. Pertubuhan Bangsa-Bangsa 2010 telah menggalakkan kepelbagaian Biologi dan ia penting untuk kesihatan persekitaran bandar.

Kepulauan hutan di Kuala Lumpur boleh menjadi habitat hidupan liar. Bandar raya Kuala Lumpur boleh mereka bentuk kepulauan hutan yang ada dengan disokong oleh dataran undang-undang dan panduan khase untuk melindungi hidupan liar bandar.

Bukit Persekutuan ialah antara kawasan yang penting untuk disimpan bagi jangka masa panjang sebagai kawasan hijau yang penting bagi Kuala Lumpur.

Diadakan pada 18 hingga 19 Februari 2019.

Lokasi: KLCC

● WUF9 di Kuala Lumpur tahun lepas yang dihadiri lebih 23,000 peserta mencadangkan tindakan baharu dalam pembangunan bandar di dunia.

● MUF menyambung dengan visi Agenda Bandar Baharu.

● WUF10 akan disambut di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 2020 dengan harapan untuk menilai pelaksanaan Agenda Bandar Baharu dan meningkatkan ke situ tahap lagi dalam menyatakan komitmen terhadap 17 matlamat Agenda 2030 untuk pembangunan yang lestari.

● Antara cabaran bandar baharu ialah sumber manusia yang berkualiti, pengurusan sumber, pendidikan, budaya masyarakat bandar baharu, mobiliti penduduk, data yang sistematik dan banyak lagi.

Cabaran ini mesti ditangani dengan baik dan terancang bagi mengwujudkan keadaan masyarakat bandar yang harmoni.



KOS sara hidup yang tinggi mendorong penduduk bandar menanam sendiri sayuran untuk makanan. - GAMBAR HIASAN

Kawasan yang terletak di atas bukit ini masih terjaga khasanah hutannya. Kompleks ini terdapat sedikit penempatan bangunan wujud sejak zaman kolonial British di Tanah Melayu yang boleh menjadi warisan negara. Bukit Persekutuan dengan keluasan kira-kira 18 ekar merupakan hutan sekunder. Kompleks Bukit Persekutuan, Taman Tugu dan Tasik Perdana perlu di simpan selamanya untuk kehijauan Kuala Lumpur. Di samping pinggiran Kuala Lumpur seperti Taman Hutan Selangor FRIM, Taman Tempier, Hutan Simpan Kechnich ternasik Bukit Taku dan sebatas Caves yang sudah lama dibincangkan untuk disimpan bagi kestabilan pembangunan Kuala Lumpur.

MUF kali ini perlu memberikan respon positif secara bersetuju tentang Agenda Bandar Baharu selari dengan SDG 2030 dan perjanjian yang telah ditandatangani Malaysia di peringkat global.

LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN (CETUSAN): MUKA SURAT 40
TARIKH: 15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Jepun lestarikan inovasi klasik



MEREKA yang berusia 50 tahun dan ke atas, pasti masih ingat jenama klasik peralatan elektrik buatan Jepun. Dulu, rakyat Malaysia gairah memburu peralatan Walkman 'Made in Japan' jenama Sony. Ada pula yang tidur berteman radio transistor kecil jenama Sony.

Penulis sendiri tidak terkecuali. Kenangan membeli komputer riba buatan Jepun jenama Toshiba lewat tahun 80-an, masih dalam kenangan. Begitu juga peralatan lain seperti perakam VHS jenama JVC atau televisyen warna jenama National Quintrix yang jadi kegilaan ramai pada 1974. Jenama buatan Jepun yang lain seperti Sharp, NEC, Akai, Nikon dan Kenwood, juga pernah jadi sebahagian kehidupan rakyat Malaysia.

Ketika belajar di Jepun pada akhir tahun 80-an, penulis sering menggunakan peranti elektrik inovasi syarikat utama Jepun seperti Brother, Canon, Casio, Citizen, Fujifilm, Fujitsu, Hitac-

hi, Kenwood, Konica Minolta, Kyocera; Mitsubishi Electric, Nintendo, Olympus, Panasonic; Ricoh, Seiko, TDK dan Yamaha.

Justeru, apabila Jawatankuasa Penganggar Sukan Olimpik Tokyo 2020 (TOGOC) mengumumkan akan menghadiahkan medal berbentuk peralatan peranti dan kelengkapan elektrik klasik buatan Jepun kepada semua pemenang Sukan Olimpik 2020, penulis mengagumi sikap masyarakat Negara Matahari Terbit dalam lestarikan keagungan inovasi buatan mereka.

Khabarnya, semua medal Sukan Olimpik 2020 akan dibuat daripada bahan terbuang atau koleksi klasik telefon bimbit pintar, kamera digital, pelbagai permainan dan laptop. Dalam kenyataan dikeluarkan minggu lalu, TOGOC menegaskan semua bahan terbabit akan diperoleh sebelum 31 Mac tahun ini.

Kembali ke alam realiti di tanah air kita, penulis cuba mencari nama-nama besar buatan Malaysia. Bolehkah kita berbangga dengan inovasi peralatan elektrik jenama Khind, Joven, Everbright, Acson, Koolman, Aviate, Fujiaire, Pensonic atau Bee-

best? Rasanya masih ramai meragu kualiti produk keluaran tempatan meski dijual dengan harga lebih murah.

Penulis juga masih ingat majlis pelancaran MEC dan MEC City pada 17 Mac 1997 di Gambang, Kuantan, Pahang. Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed menegaskan Malaysian Electric Corporation Bhd (MEC) melambangkan tahap kemajuan pengusaha Malaysia dalam bidang pembuatan elektrik dan peralatan elektrik.

Dr Mahathir menegaskan selama ini peralatan elektrik banyak yang diimport meskipun Malaysia memiliki jenama buatan sendiri dipasang penduduk negara ini. Penulis juga masih ingat Perdana Menteri meneriak sikap rakyat Malaysia yang tidak sanggup menerima barang elektrik atau elektronik buatan tempatan kononnya atas alasan kurang bermutu.

Jelas sekali pendirian TOGOC membuktikan kepada dunia bahawa jenama Jepun akan terus dilestarikan sebagai lambang kejayaan mereka. Jepun juga telah menunjukkan kepada dunia bahawa sikap memaksimumkan penggunaan hasil pem-

bangunan teknologi klasik, sekali gus mengurangkan pembaziran. Sikap menghargai hasil karya kejuruteraan elektronik seumpama ini, mestilah dipuji.

ALLAH sebenarnya telah mengingatkan pentingnya ilmu untuk menjadikan sesuatu kaum itu kuat dan berjaya menerusi *Surah Al-Baqarah [2:247]*, bermaksud:

"Bahwasannya ALLAH telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu. Mereka menjawab: "Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pulak tidak diberi keluasan harata kekayaan?" Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya ALLAH telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakaninya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". Dan (ingatlah), ALLAH Jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan ALLAH Maha Luas (rahmatNya dan pengurniaanNya), lagi meliputi ilmuNya."

Seterusnya ALLAH memberi peringatan tentang ilmu dalam *Surah*

al-Baqarah [2:269] yang bermaksud: "ALLAH memberikan hikmat kebiasaan (ilmuyang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan fiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya".

Dalam hal ini, sikap syarikat elektronik dan peralatan elektrik Jepun yang sentiasa melakukan inovasi untuk menambahbaikkan produk mereka, mesti ditiru. Mereka tidak cepat berpuas hati dengan kejayaan yang ada. Sebaliknya ilmu terus digali dan dicari demi menghasilkan mahakarya demi mahakarya.

*Penulis Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor (Unisel)